

GARISPANDUAN PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

1. Pengurusan Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah secara profesional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
2. Pekerja rakyat asing adalah **tidak dibenarkan** bekerja di Pusat Siber dan Kafe Siber.
3. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di Pusat Siber dan Kafe Siber tersebut.
4. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber adalah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di Pusat Siber dan Kafe Siber.
5. Aktiviti utama ataupun *core business* Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dihadkan kepada penyebaran maklumat internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain adalah tidak dibenarkan sama sekali, khususnya hiburan, seperti berikut :
 - a. Permainan video;
 - b. Perjudian;
 - c. Gambar lucah;
 - d. Muzik (pipe music);
 - e. Jualan bahan-bahan cetak khususnya yang berunsur negatif; dan
 - f. Lain-lain aktiviti yang berbentuk hiburan.
6. Permohonan Pusat Siber dan Kafe Siber hanya dibenarkan beroperasi di bawah dan aras satu sahaja jika bangunan yang digunakan melebihi satu tingkat.
7. *Masa operasi bagi Pusat Siber dan Kafe Siber adalah sehingga jam 1.00 pagi bagi hari biasa dan pada hari cuti umum/ awam.
8. Bagi pengunjung yang berumur di bawah 18 tahun adalah dibenarkan mengunjungi Pusat Siber dan Kafe Siber sehingga jam 6.00 petang sahaja.
9. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah **dilarang** memasuki Pusat Siber dan Kafe Siber.

10. Pusat Siber dan Kafe Siber hanya dibenarkan beroperasi di dalam premis dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.
11. Kedudukan komputer bagi melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan hendaklah diletakkan dalam ruang terbuka iaitu tidak berbilik dan tidak berpintu.
12. Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran kawasan sensitif seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBM).
13. Penggunaan papan iklan Pusat Siber dan Kafe Siber perlu seragam dan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Pihak Majlis seperti penggunaan perkataan, warna, saiz dan nombor pendaftaran pelesenan.
14. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan untuk tujuan semakan oleh Pihak Berkuasa pada bila-bila masa. Butiran maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut :
 - a. Nama pengguna;
 - b. Nombor kad pengenalan;
 - c. Umur; dan
 - d. Masa penggunaan (mula dan tamat).
15. Pekerja-pekerja Pusat Siber dan Kafe Siber yang terlibat menjual atau menyediakan makanan dan minuman perlu mendapatkan suntikan anti typhoid dan menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan.
16. Minuman keras dan rokok adalah dilarang dijual di dalam Pusat Siber dan Kafe Siber. Pelanggan juga adalah dilarang membawa masuk sebarang minuman keras dan rokok dari luar premis.
17. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.
18. Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan tersebut hendaklah mendapat kelulusan pihak Majlis terlebih dahulu.
19. Lesen perniagaan dan iklan yang dikeluarkan oleh pihak majlis hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.


20. Tindakan pembatalan lesen dan menutup premis perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber akan dijalankan jika pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

SYARAT-SYARAT PAPAN TANDA IKLAN BAGI PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

1. Warna dan latar belakang (warna asas) setiap papan tanda iklan mesti berwarna biru (*navy blue*), merangkumi 80 % daripada warna keseluruhan papan tanda iklan.
2. Penggunaan perkataan Bahasa Malaysia hendaklah lebih diutamakan dan hendaklah lebih besar daripada bahasa lain.
3. **Petunjuk A** – latar belakang berwarna merah, huruf berwarna putih.
4. **Petunjuk B** – latar belakang berwarna kuning, huruf berwarna hitam.
5. Visual atau logo paparna iklan **tidak dibenarkan** mengandungi perkara berikut :
 - 5.1 Gambar jenama minuman keras;
 - 5.2 Gambar jenama rokok;
 - 5.3 Gambar berunsurkan perjudian;
 - 5.4 Gambar manusia yang menjolok mata/ kurang sopan/ ganas/ menakutkan;
 - 5.5 Gambar yang membawa kepada penyeruan dan menggalakkan kepada kelakuan yang tidak baik atau yang melanggar undang-undang;
 - 5.6 Lain-lain yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia.
6. Kedudukan perkataan, gambar serta logo hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sila rujuk Lampiran 1.
7. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Lampiran 1

PETUNJUK A



PETUNJUK B

NOMBOR RUJUKAN
PELESENAN MPSJ

**PELEKAT NOTIS PERINGATAN
DI PINTU MASUK UTAMA**



NOTA :

**PELEKAT NOTIS PERINGATAN BOLEH DIDAPATI DI KAUNTER JABATAN
PELESENAN**

